

MAKLUMAT PENTING UNTUK PESAKIT TB

1. Makan ubat TB seperti yang dinasihati oleh doktor / jururawat.
2. Penyakit TB memerlukan masa yang panjang untuk sembuh.(Sekurang-kurangnya 6 bulan)
3. **JANGAN BERHENTI MAKAN UBAT TB PADA BILA-BILA MASA KECUALI SETELAH MENDAPAT ARAHAN DARI DOKTOR WALAUPUN ANDA TELAH MERASA BAIK SELEPAS 1 ATAU 2 BULAN MEMAKAN UBAT.**
4. Sekiranya ada masalah dengan ubat (kesan sampingan seperti gatal, mata kabur, mata kuning), segeralah datang ke klinik pada bila-bila masa. Doktor sedia membantu anda pada bila-bila masa.
5. **SEKIRANYA ANDA TERPAKSA BERPINDAH KE BANDAR LAIN SEBELUM MENAMATKAN RAWATAN, SILA BERITAHU DOKTOR/JURURAWAT SUPAYA DOKTOR DAPAT MEMBERI NASIHAT DI MANA HENDAK MENGAMBIL UBAT TB DI TEMPAT YANG BARU. UBAT TB TERDAPAT DI SEMUA HOSPITAL DAN KLINIK KERAJAAN SECARA PERCUMA. JANGAN SEKALI-KALI BERHENTI MAKAN UBAT TB HANYA KERANA ANDA BERPINDAH KE TEMPAT LAIN.**
6. Sekiranya anda tidak dapat datang ke klinik kerana masalah kewangan, sila beritahu doktor/jururawat kerana SABATA (Persatuan TB Sabah) boleh membantu.
7. **BERHENTI MAKAN UBAT TB SEBELUM SEMBUH SEPENUHNYA BOLEH MENYEBABKAN KUMAN TB MENJADI KEBAL DAN SUKAR DISEMBUHKAN PADA MASA AKAN DATANG.**
8. Sekiranya anda kehabisan bekalan ubat TB sebelum temujanji, sila pergi ke mana-mana hospital/klinik kerajaan yang berdekatan untuk mengambil ubat TB dengan menunjukkan buku rawatan TB.
9. **JIKA ANDA MAKAN UBAT TB SEHINGGA TAMAT RAWATAN, ANDA TELAH MENOLONG DOKTOR ANDA MENCEGAH KUMAN TB MENJADI KEBAL. ANDA JUGA MENOLONG DOKTOR-DOKTOR DI MASA HADAPAN MERAWAT PENYAKIT TB.**
10. **JIKA ANDA BERHENTI MAKAN UBAT TB SEBELUM TAMAT RAWATAN, ADA KEMUNGKINAN DOKTOR-DOKTOR DI MASA HADAPAN TIADA UBAT YANG BERKESAN UNTUK MERAWAT PENYAKIT TB.**

BANTULAH DOKTOR ANDA MENGAWAL PENYAKIT TB DI SABAH DENGAN MAKAN UBAT SEHINGGA TAMAT RAWATAN. KERJASAMA ANDA AMAT PENTING UNTUK DOKTOR MENGAWAL PENYAKIT TB.

Saya berjanji bahawa saya tidak akan berhenti mengambil ubat TB sehingga diarah oleh doktor.

.....
(Tandatangan pesakit)

Tarikh: